

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarikan mulai jam 1200, Jumaat, 9 Mei 2025



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya
No. Telefon : 03 - 8090 4681

STATISTIK PEMBINAAN SUKU TAHUNAN, MALAYSIA SUKU PERTAMA 2025

Sektor Pembinaan melonjak 16.6 peratus dengan nilai kerja berjumlah RM42.9 bilion pada suku pertama 2025

PUTRAJAYA, 9 MEI 2025 – Sektor Pembinaan pada suku pertama 2025 mencatatkan pertumbuhan nilai kerja pembinaan 16.6 peratus dengan nilai berjumlah RM42.9 bilion. Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) melaporkan hari ini dalam keluaran **Statistik Pembinaan Suku Tahunan, Malaysia, Suku Pertama 2025**.

Mengulas mengenai laporan prestasi terkini sektor Pembinaan, Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, "Nilai kerja pembinaan dalam sektor Pembinaan terus mencatatkan pertumbuhan positif pada suku pertama 2025 dengan peningkatan sebanyak 16.6 peratus (ST4 2024: 23.1%). Prestasi ini didorong terutamanya oleh pengembangan berterusan dalam subsektor Aktiviti pertukangan khas dan Bangunan kediaman yang masing-masing merekodkan pertumbuhan dua digit sebanyak 35.5 peratus dan 27.0 peratus. Subsektor Bangunan bukan kediaman turut mencatatkan peningkatan kukuh sebanyak 21.0 peratus. Sementara itu, subsektor Kejuruteraan awam kekal mencatatkan pertumbuhan positif, walaupun pada kadar yang sederhana, sebanyak 3.7 peratus."

Ketua Perangkawan mengulas lanjut, "Daripada keseluruhan nilai kerja sebanyak RM42.9 bilion yang dicatatkan pada suku pertama 2025, sejumlah RM15.7 bilion atau 36.6 peratus disumbangkan oleh subsektor Kejuruteraan awam, terutamanya dalam aktiviti Pembinaan jalan raya dan landasan kereta api (RM7.9 bilion) dan projek utiliti (RM6.0 bilion). Sementara itu, nilai kerja pembinaan bagi Bangunan bukan kediaman dan Bangunan kediaman masing-masing adalah sebanyak RM12.3 bilion (sumbangan: 28.8%) dan RM9.9 bilion (sumbangan: 23.0%). Aktiviti

pertukangan khas pula menyumbang sebanyak RM5.0 bilion (sumbangan: 11.6%), terutamanya dalam aktiviti Penyediaan tapak (RM1.3 bilion); Pemasangan elektrik (RM1.2 bilion); dan Pemasangan paip, pemanasan dan penghawa dingin (RM1.1 bilion).”

Mengulas mengenai sektor Pembinaan mengikut pemilik projek, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menyatakan, “Sektor swasta kekal sebagai pemacu utama pertumbuhan pada suku ini, dengan peningkatan sebanyak 23.7 peratus (ST4 2024: 32.9%) yang didorong oleh Aktiviti pertukangan khas (40.9%) dan Bangunan kediaman (26.5%). Nilai kerja bagi sektor swasta berjumlah RM27.0 bilion atau 62.9 peratus daripada jumlah nilai kerja pembinaan. Sebaliknya, nilai kerja bagi sektor awam mencapai RM15.9 bilion atau 37.1 peratus, yang mencatatkan pertumbuhan yang lebih perlahan sebanyak 6.3 peratus (ST4 2024: 8.8%). Pertumbuhan ini didorong oleh subsektor Bangunan kediaman (34.8%) dan Aktiviti pertukangan khas (24.5%), dengan masing-masing berjumlah RM0.7 bilion dan RM1.5 bilion.”


Sektor pembinaan mengikut negeri menunjukkan hampir 63.4 peratus daripada nilai kerja pada suku pertama 2025 tertumpu di Selangor, Johor, Wilayah Persekutuan (Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan) dan Sarawak. Nilai kerja Pembinaan di Selangor berjumlah RM11.1 bilion atau 25.9 peratus, disumbangkan oleh terutamanya subsektor Kejuruteraan awam (RM4.3 bilion) dan Bangunan kediaman (RM2.9 bilion). Sementara itu, Johor menduduki tempat kedua dengan nilai RM7.7 bilion atau 18.0 peratus, dipacu terutamanya oleh subsektor Bangunan bukan kediaman (RM3.6 bilion). Nilai kerja pembinaan di Wilayah Persekutuan adalah RM4.5 bilion (10.6%) manakala Sarawak mencatatkan RM3.9 bilion (9.0%).

Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) akan mempengerusikan Jawatankuasa Sistem Statistik Komuniti ASEAN Ke-15 (ACSS15) yang bertujuan untuk memperkukuh kerjasama statistik ke arah pembangunan serantau yang mampan.


Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan 20 Oktober sebagai Hari Statistik Negara (MyStats Day), dengan tema 'Statistik Nadi Kehidupan.' Sementara itu, Hari Statistik Dunia Keempat akan disambut pada 20 Oktober 2025 dengan tema '*Driving Change with Quality Statistics and Data for Everyone*'.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.


Carta 1: Nilai Kerja Pembinaan dan Perubahan Peratus, ST1 2022 - ST1 2025




Carta 2: Nilai Kerja Pembinaan dan Perubahan Peratus mengikut subsektor Bangunan kediaman, ST1 2022 - ST1 2025




**Carta 3: Nilai Kerja Pembinaan dan Perubahan Peratus mengikut subsektor
Bangunan bukan kediaman, ST1 2022 - ST1 2025**



**Carta 4: Nilai Kerja Pembinaan dan Perubahan Peratus mengikut subsektor
Kejuruteraan awam, ST1 2022 - ST1 2025**



Carta 5: Nilai Kerja Pembinaan dan Perubahan Peratus mengikut subsektor
Aktiviti pertukangan khas, ST1 2022 - ST1 2025



Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
9 MEI 2025